

BH 20 AUG 1990

Jangan politikkan isu setinggan: PM

(K)

GEORGETOWN, Ahad — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini mengingatkan semua pihak supaya jangan mempolitikkan isu setinggan untuk kepentingan mereka sendiri.

Menurutnya, tindakan kerajaan mengambil alih tanah setinggan untuk maksud pembangunan bukan bererti kerajaan bersikap tidak adil kepada setinggan ataupun pihak tertentu.

Bellau berkata, kerajaan tetap memberi layanan yang adil kepada setinggan di bandar ketika melaksanakan pelbagai rancangan pembangunan bagi faedah penduduk pelbagai kaum.

"Bagaimapun, kita tidak boleh melupakan masalah setinggan sehingga ia menjadi masalah pembangunan sesuatu kawasan."

Perdana Menteri berpendapat, adalah lebih baik kita membangunkan kawasan yang didiami oleh 300 keluarga setinggan jika ia dapat didiami oleh 60,000 keluarga, menerusi projek perumahan yang dilaksanakan di situ.

"Ini bukanlah ketidakadilan namanya. Jika rakyat matang berfikir dan menilai usaha seperti ini, saya rasa taraf hidup semua orang akan dapat ditingkatkan dalam tempoh yang singkat," katanya.

Begitupun, katanya, ada pihak yang mengambil kesempatan daripada projek perumahan di kawasan setinggan dengan melemparkan tohmah kononnya kerajaan ingin mengusir mereka keluar dari kawasan itu.

"Mereka mendiami kawasan itu secara haram dan mendirikan rumah. Apabila kerajaan ingin mengambalnya balik, kerajaan dituduh zalim. Kontraktor juga dituduh tidak berhati perut."

"Sebenarnya kerajaan kadangkala terpaksa mengambil tindakan yang tidak berapa disukai oleh segelintir golongan, semata-mata untuk mewujudkan lebih banyak faedah kepada mereka dan orang lain," katanya ketika merasmikan kerja menanam cerucuk projek perumahan polis di Bandar Baru

Ayer Itam, di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata, projek itu menunjukkan bahawa kerajaan tidak melupakan keperluan perumahan bagi pegawai dan anggota polis serta jasa mereka kepada negara.

"Projek 980 unit rumah pangsa lima tingkat seperti ini akan dilaksanakan di seluruh negara secara berperingkat."

"Sebenarnya, rancangan perumahan polis sudah lama dirancang bagi setiap Rancangan Malaysia, tetapi tidak dilaksanakan kerana pelbagai masalah seperti terlalu banyak proses yang perlu dilalui dan karenah birokrasi."

"Walaupun kita mempunyai banyak wang ketika memutuskannya beberapa tahun lalu, baru sekarang ia dapat dilaksanakan, sama ada dibeli daripada pemaju ataupun dibina sendiri dengan kerjasama kontraktor yang dilantik," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, anggota polis juga perlu menikmati pembangunan dan kerana itulah kerajaan memberi perhatian sewajarnya kepada masalah mereka.